**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

# KERATAN AKHBAR
## 1 Oct 2020 (Khamis)

**Utusan Malaysia**
Pastikan kejadian tidak berulang 1
Kerjaya seperti biasa 2

**Kosmo**
Kontrak Datuk Bandar KL, Presiden PPj tamat 3
Kutipan zakat Selangor pulih 4

**Sinar Harian**
Mesyuarat dikuarantin, mesyuarat batal 5
Bantah cadangan nyahgazet Hutan Simpan Kuala Langat Utara 6

**The Star**
Adopt a dog from MPSJ's pound, animal lovers urged 7
Highway builders reminded to observe safety guidelines 8
MPS' assessment billing to go digital next year 9
Reprieve for 'unlicensed' traders in PJ 10
MPSJ distributes planting kits to encourage urban farming 11

**New Straits Times**
Selangor had lion's share of domestic visitors for 2019 12

**The Edge CEO Morning Brief**
Lower sales expected for Home Ownership Campaign 2020/2021 - REHDA 13

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 1 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Pastikan kejadian tidak berulang |
| Muka Surat | : | 19 |

**ADUAN PBT**




**PENGUMUMAN Annuar Musa dalam Twitter miliknya pada 28 September lalu mengenai langkah DBKL membatalkan penukaran Jalan Raja Laut 1 kepada Jalan Palestin.**

# Pastikan kejadian tidak berulang

**SAUDARA PENGARANG,**

**LANGKAH** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membatalkan penukaran nama Jalan Raja Laut 1 sebagai Jalan Palestin baru-baru ini harus dijadikan pengajaran oleh semua pihak supaya tidak berulang.

Langkah itu dibuat setelah Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa dalam ciapanTwitter meminta pihak berkenaan memberi penjelasan rasional berhubung tindakan tersebut kerana nama Jalan Raja Laut 1 membawa makna besar dalam sejarah Melayu dan Kuala Lumpur itu sendiri.

Menurut Annuar, beliau tiada halangan hendak menamakan jalan di Kuala Lumpur dengan Jalan Palestin sebagai tanda sokongan kepada perjuangan pembebasan Al-Quds (Baitulmuqaddis).

Tegas beliau, jalan yang sepatutnya dipilih adalah yang mempunyai nama Inggeris seperti Jalan Stonor, Jalan Conlay dan Jalan Cochrane.

Jalan Raja Laut 1 yang terletak dalam kawasan Chow Kit adalah sempena nama Raja Muda Laut Sultan Muhammad Shah (1850-1913) yang pernah menjadi majistret dan penghulu di Kuala Lumpur.

Almarhum juga dimasyhurkan sebagai Raja Muda Selangor pada 1898 dan bertanggungjawab membina sekolah Melayu pertama di Kuala Lumpur.

Raja Muda Laut mendapat nama itu kerana dilahirkan di laut sekitar perairan Lukut, Negeri Sembilan.

Bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang, DBKL perlu menambah baik prosedur operasi standard (SOP) menukar nama jalan bagi memastikan semua pihak khususnya menteri dan Kabinet dimaklumkan terlebih dahulu.

**PEWARIS RAJA ALANG**
Kuala Lumpur

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**1 October 2020**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Kontrak Datuk Bandar KL, Presiden PPj tamat |
| Muka Surat | : | 6 |

# Kontrak Datuk Bandar KL, Presiden PPj tamat

**KUALA LUMPUR** – Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa mengumumkan kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham A. Dahlan dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr. Aminuddin Hassim tamat semalam.

Beliau dalam satu ciapan di Twitternya berkata, pelantikan baharu atau pembaharuan kontrak akan dilakukan segera selepas melalui prosedur yang ditetapkan.

"Mereka telah berkhidmat dengan cemerlang. Pelantikan baharu atau pembaharuan kontrak (jika ada) perlu melalui prosedur yang tertentu. Ia akan disegerakan," katanya.

Nor Hisham yang sebelum ini Presiden Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Aminuddin dilantik ke jawatan masing-masing pada Oktober 2018.

Baru-baru ini berlaku kontroversi antara Nor Hisham dengan Annuar apabila Jalan Raja Laut 1 ditukar nama kepada Jalan Palestin.

Annuar di Twitternya menyebut, Jawatankuasa Menamakan Jalan di Wilayah Persekutuan boleh mengkaji nama jalan yang mencerminkan jati diri sejarah dan perjuangan negara.

"Bahasa kebangsaan (tulisan rumi) adalah satu kemestian. Jawi satu pilihan yang boleh digalakkan," katanya.



NOR HISHAM



AMINUDDIN

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>1 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Kutipan zakat Selangor pulih |
| Muka Surat | : | 7 |




**LZS melakukan dakwah mengenai pembayaran zakat kepada syarikat yang tidak terjejas dengan Covid-19.** – GAMBAR HIASAN

# Kutipan zakat Selangor pulih

**SHAH ALAM** – Kutipan zakat Lembaga Zakat Selangor (LZS) kembali pulih selepas usaha-usaha dakwah dilakukan dengan istiqamah terhadap pembayar-pembayar dalam kalangan syarikat korporat.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan Md. Yusop, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bagi mengekang pandemik Covid-19 pembayaran zakat dalam kalangan syarikat korporat dan perseorangan melalui potongan gaji semakin berkurang kerana operasi kaunter ditutup.

"Semoga momentum pembayaran yang kita lihat pada bulan Julai dan Ogos yang mana kutipan zakat semakin pulih akan berterusan.

"Saya berharap kutipan ini semakin memuncak menjelang bulan Disember tahun ini," katanya selepas Majlis Pembayaran Zakat Syarikat Korporat dan Pengagihan Zakat di Wisma PKPS di Seksyen 14 semalam.

Saipolyazan berkata, kebanyakan syarikat yang didakwah oleh LZS adalah syarikat-syarikat yang tidak terjejas teruk dengan pandemik Covid-19.

"Syarikat yang tidak terkesan ini kita bertemu mereka dan menghantar surat. Kita meneruskan dakwah-dakwah dan kita melihat momentum itu apabila bermula Julai kutipan kita semakin baik dan berharap berlarutan hingga hujung tahun," katanya.

Mengulas mengenai pengurangan kutipan zakat melalui potongan gaji, Saipolyazan berkata, kutipan zakat bermula April hingga Jun mencatatkan penurunan kerana syarikat memotong gaji dan ramai diberhentikan kerja.

Terdahulu pada majlis tersebut, LZS menerima zakat perniagaan daripada 31 buah syarikat korporat berjumlah RM3,459,876.35 dan diterima oleh Timbalan Pengerusi LZS, Datuk Dr. Aziuddin Ahmad.

Dalam majlis sama, LZS turut menyampaikan bantuan agihan zakat dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM484,830.00 melibatkan individu dan pusat pendidikan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991


| **KERATAN AKHBAR 1 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Mesyuarat dikuarantin, mesyuarat batal |
| Muka Surat | : | 2 |

# Menteri dikuarantin, mesyuarat batal

Lima menteri Kabinet dikuarantin selepas pulang berkempen dari Sabah

Oleh HAZNIZA HUSSAIN



ISMAIL SABRI | HISHAMMUDDIN | HAMZAH | REEZAL MERICAN | RONALD KIANDEE

**SHAH ALAM**

Seramai lima menteri Kabinet dilaporkan sedang menjalani kuarantin Covid-19 selepas pulang berkempen pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah Sabtu lalu sebagai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Menteri yang terlibat ialah Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican serta Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee.

Susulan itu, ia dipercayai turut menjejaskan mesyuarat Kabinet yang sepatutnya berlangsung pada setiap hari Rabu tetapi tidak dapat dilaksanakan ekoran rata-rata pemimpin perlu menjalani kuarantin, selain dipercayai sebagai langkah berjaga-jaga mengelakkan penularan wabak Covid-19.

Menerusi satu hantaran di Facebook, Ismail Sabri memaklumkan beliau terus membuat ujian saringan sebaik pulang dari Sabah dan perlu kuarantin di rumah sehingga keputusan diperoleh.

"Ujian saringan untuk kepastian status dan jika keputusannya negatif, bebaslah daripada kuarantin.

"Walaupun sudah bebas kerana negatif namun mesti teruskan kawalan kendiri. Patuhi SOP," katanya dalam kenyataan di Facebook beliau semalam.

Sementara itu, Hishammuddin juga diarahkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menjalani kuarantin di rumah bermula 28 September lalu selepas pulang berkempen dari Sabah.

"Memandangkan di Sabah baru-baru ini saya telah pergi ke Pitas bagi membantu kempen calon Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pitas, Sufian Abdul Karim yang disahkan positif Covid-19, saya telah diarahkan untuk menjalani kuarantin diri di rumah biarpun saringan awal yang dibuat ke atas saya sebaik tiba dari Sabah tempoh hari negatif.

"Saya tahu ada sebahagian daripada jentera BN telah disahkan positif dan berharap semua yang positif ini tabah dan segera beroleh kesembuhan.

"Biarpun semasa kempen tempoh hari setiap SOP telah dipatuhi, namun kita berdepan dengan virus yang tidak boleh dilihat, selain risiko dijangkiti tetap tinggi," tulis Hishammuddin di Facebook beliau.

## Antara menteri dan pemimpin terlibat PRN Sabah

**MENTERI**

1. Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (kuarantin)
2. Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussien (kuarantin)
3. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin (kuarantin)
4. Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (kuarantin)
5. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee (kuarantin)

**MENTERI BESAR**

1. Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (kuarantin)
2. Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man (kuarantin)
3. Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (kuarantin)
4. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (kuarantin)

**PEMIMPIN UMNO**

1. Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi
2. Ketua Puteri UMNO, Datuk Zahida Zarik Khan (kuarantin)
3. Exco Kerajaan Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin (kuarantin)
4. Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan (positif Covid-19)
5. Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Razlan Rafi (positif Covid-19)

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

## KERATAN AKHBAR
## 1 October 2020

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Bantah cadangan nyahgazet Hutan Simpan Kuala Langat Utara |
| Muka Surat | : | 12 |

# Bantah cadangan nyahgazet Hutan Simpan Kuala Langat Utara

**KUALA LANGAT** - "Kenapa kerajaan negeri masih mahu meneruskan nyahgazet Hutan Simpan Kuala Langat Utara walaupun menerima bantahan awam?"

Itu persoalan dilontarkan Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil pada sesi pendengaran awam pemansuhan hutan simpan seluas 971 hektar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kelmarin.

Shariffa Sabrina berkata, beliau mewakili badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat membantah sekeras-kerasnya cadangan pembangunan ke atas kawasan tersebut.

"Tak perlu nyahwarta, simpan sahaja hutan itu, (hutan) kita sudah habis, pembangunan kita sudah berlebihan. Kita tak mahu pembangunan tapi kita mahu kawasan hijau.

"Jika kerajaan susah mahu jaga hutan, biar rakyat yang jaga," katanya pada sesi pendengaran awam yang dipengerusikan Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian di Amverton Resort Pulau Carey di sini kelmarin.

Menurut Shariffa Sabrina, beliau mencadangkan agar hutan simpan itu dijadikan taman negeri dan meletakkan namanya sempena Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman.

Katanya, keadaan hutan di Malaysia semakin tenat dengan paparan satelit menunjukkan kawasan hutan dalam negara hanya tinggal kurang 20 peratus.

"Saya sudah masuk semua negeri di Malaysia, keadaan hutan sekarang sudah semakin teruk. Lihat satelit hutan kita tak sampai 50 peratus.

"Kita tak mahu hutan ditebang lagi, tapi mahu pokok yang telah pupus ditanam semula dengan kerjasama pakar daripada Jabatan Perhutanan Negeri.

"Dengan keluasan hutan kurang 1,000 hektar ini, simpanlah sedikit untuk generasi akan datang. Kami sudah tak mahu pusat beli-belah atau kondominium. Semua dah cukup," katanya.

Menurutnya, hutan memainkan peranan penting dalam ekosistem bagi negara tropika seperti Malaysia.

"Dalam keadaan Selangor yang hadapi masalah kesusahan air ini, kita perlukan hutan untuk mendapatkan hujan.

"Kami rakyat sudah tidak bodoh, jangan buli rakyat," katanya.

Februari lalu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan bahawa kerajaan negeri bercadang memansuhkan hutan simpan berkenaan yang telah menjadi hutan rosot dan tiada elemen hutan dara susulan siri kebakaran serta pencerobohan.

Bagaimanapun, Amirudin berkata, cadangan itu masih di peringkat pramatang dan perlu melalui proses penilaian dan pandangan umum sebelum diputuskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.



**Shariffa Sabrina menyuarakan pandangan pada sesi pendengaran awam di Amverton Resort Pulau Carey di Kuala Langat kelmarin.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 1 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Adopt a dog from MPSJ's pound, animal lovers urged |
| Muka Surat | : | 4 |

# Adopt a dog from MPSJ's pound, animal lovers urged

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

SUBANG Jaya Municipal Council (MPSJ) is encouraging dog lovers to adopt stray dogs from its in-house pound.

Its president Noraini Roslan said there were currently 20 dogs under its care.

"We can accommodate up to 30 dogs.

"The adoption rate is low at the moment, and we hope people will adopt the strays from our pound.

"We take a long time to decide if the dogs will be put to sleep, and this will be a big cost on us too," she said after chairing the council's full board meeting yesterday.

Noraini said that the state government provided training to relevant MPSJ staff to capture and handle stray dogs in a more humane way.

From the techniques learned from experts at a workshop last year, Noraini said MPSJ could implement 75% of the guidelines to capture stray dogs within the municipality.

"The dogs sometimes put up a struggle when we catch them, so we need stable and suitable cages, and it also depends on the size of the dogs as well.

"We try our best not to hurt the animals," she said.

MPSJ Health Department director Dr Roslan Mohamed Hussin said the council was collaborating with Universiti Putra Malaysia's Veterinary Medicine Faculty for the stray dogs to undergo rabies checks.

He said as of August, MPSJ caught about 100 stray dogs. Since the beginning of 2020, there were nine incidents of people bitten by stray dogs in the municipality.

As for dengue cases in the municipality, Dr Roslan said as of Sept 26, there were 5,504 cases reported.

The hotspots include Bukit Puchong flats.

The public is advised to spend at least 10 minutes a week to rid their premises of mosquito breeding grounds.

This was MPSJ's last full board meeting as a municipal council. On Oct 19, after 22 years, the city status inauguration will take place at Dewan Jubilee Perak at the State Secretariat building in Shah Alam.

The declaration will be officiated by the Selangor Ruler Sultan Sharafuddin Idris Shah.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR 1 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Highway builders reminded to observe safety guidelines |
| Muka Surat | : | 4 |

# Highway builders reminded to observe safety guidelines

**By SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

HIGHWAY developers in Ampang Jaya have been asked to adhere to strict safety guidelines and timelines following several traffic incidents related to construction projects recently.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) president Mohd Fauzi Mohd Yatim said that as two ongoing highway projects – the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE) and East Klang Valley Expressway (EKVE) – were being built in areas of high density and high traffic, it was vital that good construction practices were followed.



A stop-work order was issued at a SUKE construction site along the MRR2 following an incident where a concrete slab fell on a car on Sept 19. – Filepic

"I have recently met the concessionaires of the two projects for updates on the projects as well as the safety measures taken.

"There have not been any incidents related to the projects under our jurisdiction and we hope there will not be any," he said after chairing the council's monthly full board meeting yesterday.

He added that SUKE was expected to be completed by June next year, while EKVE would take slightly longer due to unresolved legal issues.

The council president's reminder comes after a concrete slab from the SUKE project site fell on a car travelling on the Middle Ring Road 2 (MRR2) in Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur on Sept 19. The slab was part of the parapet wall of the elevated highway construction site.

Two other incidents involving construction cranes have also called into question safety protocols at construction sites.

On another matter, Mohd Fauzi said council officers were on standby to execute sanitising protocols if any Covid-19 clusters were detected in the municipality.

He urged markets and business premises to increase compliance with National Security Council's standard operating procedures (SOP) for the Covid-19 pandemic.

"There are still many premises that are not fully observing the SOP and they may face action if they do not implement the measures," he said. He added that there would be increased monitoring at public spaces.

A check by MPAJ at 1,550 premises, between July 23 and Sept 23, found that only 433 businesses fully complied with the SOP.

Separately, Mohd Fauzi said MPAJ had recouped RM13.5mil of RM72.8mil in assessment arrears from 2017 to August this year.

"A total of 29,399 notices and warrants were issued for that period but only 10,084 (34.3%) payments were made while 19,315 (65.7%) remain unpaid," he said.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>1 October 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MPS' assessment billing to go digital next year |
| Muka Surat | : | 4 |

# MPS' assessment billing to go digital next year

## Ratepayers to get notices via SMS and email from Jan 1, 2021

By FARID WAHAB
Email faridwahab@thestar.com.my

SELAYANG Municipal Council (MPS) will cease issuing bills via post as it opts for electronic billing from next year.

Ratepayers will get their assessment bills via SMS and emails effective Jan 1, 2021.

Council president Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor advised all property owners in the municipality to update their contact details such as mobile phone number and email address.

"They can do this by scanning the quick-response code that will be printed on this year's second half assessment bill or by going to our website," he said, adding that 30,592 property owners had updated their information to date.

Shamsul said the move was expected to save the council some RM500,000 annually in stamp cost.

"We found out that when bills were sent out via post, some do notreach the property owners.

"It is hoped that by going digital, the bills can be successfully delivered to the recipients," he said.

Separately, Shamsul said MPS collected 74.6% of the assessment owed this year as of Aug 31, amounting to some RM80mil out of the total RM107mil.

"Reminders will be sent to those who have yet to pay their assessment and if they ignore that, the council will carry out seizure of items.

"We find that collection improves after reminders are sent out to ratepayers," he said.

He revealed that 485 seizure of items were made this year on those who failed to pay their assessment tax by the deadlines given.

Meanwhile, RM4.13mil in accumulated arrears from the past 10 years had been collected out of the RM6.9mil total, said Shamsul.

"The assessment rate is reasonable but when ratepayers fail to pay up, there will be late payment penalty charges and that causes the amount to increase," he said.

He also reminded all traffic offenders in the municipality to pay their compounds.

"A two-month campaign will start on Oct 15, during which MPS will offer a flat-rate of RM20 for each compound issued.

"Payments can be made at the MPS lobby counter and mobile counters at selected locations in the municipality," he said.

For details on e-billing, visit https://digitalbil.mps.gov.my or www.mps.gov.my

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

## KERATAN AKHBAR
## 1 October 2020

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Reprieve for 'unlicensed' traders in PJ |
| Muka Surat | : | 4 |

# Reprieve for 'unlicensed' traders in PJ

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

PETALING Jaya City Council (MBPJ) is giving temporary business permits to unlicensed traders at their trading site, on-the-spot.

This is provided that all technical agencies give their approval.

In the past, traders have had to apply for such temporary permits.

This year, MBPJ started offering the permits on-the-spot.

Over the years, MBPJ has issued 401 temporary permits.

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar said the new ruling was to help those trying to earn a living, as many had lost their income during the movement control order (MCO) due to the Covid-19 pandemic.

"The policy is in addition to the micro-entrepreneurs transformation pilot programme for the B40 group, where unlicensed traders are given one-month temporary permits to do business in shared lots at PJS 2/18 Taman Dato Harun for four hours daily.

"We have identified another suitable site for the programme in PJU at Jalan Camar, Section 4, Kota Damansara.

"Those selling seasonal fruits and *lemang* around the city centre were also told to relocate to PJS 2.

"The number of unlicensed traders is increasing by the day.

"I hope the relaxation of the rules will allow traders to continue generating income at the sites allocated by MBPJ," he added.

On the green and sustainable assessment rebate incentive, Sayuthi said the number of applicants who qualified for full rebate was increasing.

"Last year, there were 849 applicants, out of which 698 were approved and from the total, 160 qualified for a 100% rebate of RM500 or a waiver of their assessment, whichever was lower.

"In comparison, in 2018, there were 619 applicants, out of which 605 were approved and only 96 qualified for the full rebate."



To get rebate on assessment, houseowners can instal rain harvesting system like this one. — Filepic

Since the incentive began in 2011, the city council has given over RM652,000 in rebates.

During yesterday's full board meeting, Sayuthi announced that the city council collected RM806,588.60 from plastic bag charges, of which 60% would be given to the state government.

"The balance 40% will be used by MBPJ for environmental preservation and consumerism programmes."

On dengue, he said there were 3,238 reported cases in the 38th week ending Sept 19 — a 45% reduction compared to the corresponding period last year where 5,872 cases were recorded.

"There are no active hotspot areas currently," he said.

Separately, he said restaurants and convenience stores in the city would be allowed to open until 2am, in line with the new ruling by the National Security Council.

He added that since June, the city council sealed 33 stalls including 24 at markets where foreign workers were employed.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>1 October 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MPSJ distributes planting kits to encourage urban farming |
| Muka Surat | : | 5 |

# MPSJ distributes planting kits to encourage urban farming

IN AN effort to encourage urban farming, Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) held an event to educate participants from B40 community gardens.

MPSJ Corporate and Strategic Management Department deputy director Azfarizal Abdul Rashid said in a statement that the programme aimed to encourage residents to plant crops within their residential areas.

This will indirectly help them save on grocery expenses and generate a side income.

MPSJ had organised a programme to distribute planting kits, seeds and seedlings to B40 community garden participants at Dewan Putra Heights, Subang Jaya.

Selangor socio-economic empowerment, development and caring government committee chairman V. Ganabatirau, who is also Kota Kemuning assemblyman, launched the event.

The programme is a collaboration between MPSJ, the assemblyman's office, Agriculture Department and community garden participants.

MPSJ's community garden programme was launched in 2013.

There are 69 community gardens in the municipality involving 1,034 participants to date.

Various community gardens under MPSJ's administration have won awards at national and state level competitions over the years.



Ganabatirau (centre) potting a plant to mark the launch of the programme. With him are (from left) his special officer Mohd Tarmizi Lazim, Selangor Agriculture Department deputy director Anuar Tawe and MPSJ Landscape Department senior assistant director Azlina Mat Salim.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>1 October 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | New Straits Times |
| Tajuk Berita | : | Selangor had lion's share of domestic visitors for 2019 |
| Muka Surat | : | 10 |

RM15.5 BILLION IN RECEIPTS

# Selangor had lion's share of domestic visitors for 2019

**PUTRAJAYA:** Selangor recorded the highest total receipts from domestic visitors with a sum of RM15.5 billion last year, according to the Domestic Tourism Survey 2019 by State report.

This was followed by Kuala Lumpur with RM12.1 billion, Sarawak RM8.7 billion, Sabah RM8.1 billion and Perak RM7.8 billion, the report said.

Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said the five states contributed 50.6 per cent of Malaysia's total domestic tourism receipts last year.

"In terms of the number of domestic visitor arrivals, Selangor was the highest with a total of 33.6 million visitors, followed by Kuala Lumpur (at) 22.6 million, Sabah (at) 22.0 million, Perak (at) 21.1 million and Sarawak (at) 19.8 million. In terms of the trend of overnight trips, visiting relatives and friends was the highest main purpose of visit for all states."

Uzir said Melaka recorded the highest percentage share of trips for holiday purposes, representing 42.8 per cent of total trips, followed by Penang (28.2 per cent), Pahang (26.6 per cent) and Sabah (21.5 per cent).

Uzir said all states recorded the highest number of domestic visitor arrivals for those in the 25- to 39-year-olds category.

In terms of household-income class of domestic visitors, he said Johor, Kedah, Kelantan, Negri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Terengganu, Sabah, Sarawak and Labuan posted the highest percentage share of domestic visitors with household incomes of RM1,001 to RM3,000 per month.

Penang, Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya registered the highest percentage of domestic visitors from households earning RM5,001 to RM10,000 per month, while Melaka was the most visited state by domestic visitors for households earning RM3,001 to RM5,000 per month, he said. **Bernama**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 1 October 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Edge CEO Morning Brief |
| Tajuk Berita | : | Lower sales expected for Home Ownership Campaign 2020/2021 - REHDA |
| Muka Surat | : | 6 |

# Lower sales expected for Home Ownership Campaign 2020/2021 — REHDA

BY JUSTIN LIM & SYAFIQAH SALIM
theedgemarkets.com

KUALA LUMPUR (Sept 30): The Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA) expects the total sales number under the Home Ownership Campaign (HOC) for this year to be lower than 2019's figure of RM37 billion in sales value achieved from 57,000 units of house transactions. This is due to the high base and timing of the introduction of the campaign this year.

REHDA Malaysia vice-president Datuk NK Tong said the RM37 billion sales achieved in 2019 were "unusually high" as the sales figure was 10 times more than the initial sales target of about RM3 billion.

Tong noted that the timing of the re-introduction of the HOC "was a little bit unusual" as a lot of time was wasted due to the movement control order (MCO) and the recovery MCO (RMCO). The HOC this year started on June 1 and will end on May 31 next year.

Tong added that the gazette on the latest HOC was issued two months afterwards — at the end of July — and the registration of property projects only began in August for them to be entitled for the HOC.

Tong was speaking at a press conference today in conjunction with the launch of the Home Ownership Campaign-Malaysia Property Expo (HOC-MAPEX) 2020 here.

REHDA Malaysia was tight-lipped about the sales target for the HOC 2020-2021, but said the guidance for this year's sales number will take its cue from the falling property sales in the first half of the year.

In the first half of 2020, the number of property transactions fell 28% to 115,000 units, from 160,165 units in the same period last year, while the value shrank 32% to RM47 billion from RM68.53 billion previously.

REHDA Malaysia president Datuk Soam Heng Choon concurred that the sales target will be lower than the number of sales achieved in 2019, but he is hopeful that property sales will pick up in the first half of next year, moving in tandem with the economic recovery.

The HOC 2020 -2021 was announced by the government in June this year under the National Economic Recovery Plan (Penjana) in order to spur the property sector. Under the initiative, successful applicants can enjoy 100% stamp duty exemption for the instrument of transfer for any residential home purchase up to a value of RM1 million, and for properties worth more than RM1 million and up to RM2.5 million, a 3% stamp duty needs to be paid for the instrument of transfer.

Organised by REHDA Malaysia, the HOC-MAPEX 2020 will be held at the Mid Valley Exhibition Centre (MVEC) in Kuala Lumpur from Oct 2 to 4 (Friday to Sunday), from 10am to 9pm.

Twenty-five reputable developers will participate in the expo, with properties located all over Selangor and Kuala Lumpur as well as other selected states in Peninsular Malaysia.

The HOC-MAPEX 2020 is supported by various government agencies, whose staff will be present within the MVEC halls for purchasers' convenience, namely the Credit Counselling and Debt Management Agency (AKPK), National Housing Department (JPN), Housing and Strata Management Tribunal (TPPS), Public Sector Home Financing Board (LPPSA), Employees Provident Fund (EPF) and Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Additionally, three financial institutions, namely RHB Bank Bhd, Public Bank Bhd and United Overseas Bank (Malaysia) Bhd, will also be available for any home financing advice.

